

**PARTNER - MENINGKATKAN EFISIENSI PERBANKAN DAN PERKHIDMATAN  
PELANGGAN KE ARAH PERKONGSIAN PERNIAGAAN SEJATI**

**INISIATIF FASA 1: MEMPERKEMAS DAN MEMPERMUDAHKAN PERMOHONAN PINJAMAN  
PKS**

Nota Penjelasan dan Garispanduan

Pelanggan yang dihormati,

Pengenalan

Bank-bank komersil di Malaysia mengiktiraf kepentingan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi Negara. Sesungguhnya, bank komersil telah bertahun-tahun seiringan dan memberi sokongan padu kepada PKS, tidak kira sama ada ketika keadaan kewangan sedang kukuh ataupun sebaliknya.

Seperti dalam semua hubungan, kita harus mendengar dan memahami antara satu sama lain. Berdasarkan komen-komen dari PKS dan pertubuhan-pertubuhan/organisasi PKS yang diterima ketika sesi dialog dan seminar yang telah dijalankan baru-baru ini, Persatuan Bank Bank Dalam Malaysia (ABM) dan ahli-ahli bank komersil dengan bangganya mengumumkan pelancaran siri-siri inisiatif ke arah mempertingkatkan kecekapan perbankan dan perkhidmatan pelanggan di bawah sepanduk "PARTNER". Kami BUKAN hanya sebagai pembiaya kewangan anda. Kami berhasrat untuk menjadi rakan sejati dalam pertumbuhan dan pembangunan anda.

Sebagai langkah pertama ke arah menjadi "PARTNER" anda, ABM dan anggotanya telah berusaha untuk menyeragam dan mempermudah proses-proses dan prosedur-prosedur permohonan untuk pinjaman PKS. Melalui pakej ini, satu borang permohonan yang mudah telah disediakan untuk diguna sekiranya bank yang anda ingin berurusan tidak memiliki borang permohonan pinjamannya sendiri. Kami juga telah menyediakan dua senarai semak, yang pertama memperincikan jenis-jenis dokumen umum atau maklumat yang diperlukan untuk diserahkan dengan permohonan anda dan yang kedua memperincikan dokumen-dokumen yang lebih khusus atau maklumat yang diperlukan untuk pelbagai jenis kemudahan. Dengan cara ini, anda akan dapat menjangkakan dokumen sokongan atau maklumat yang perlu diberikan untuk tujuan permohonan pinjaman dan menggunakannya kembali jika diperlukan. Namun begitu, sila ambil perhatian bahawa senarai semak ini mungkin akan ditambah lagi oleh sesetengah bank untuk mendapatkan maklumat atau dokumen tambahan bagi membantu dalam memproses sesuatu pinjaman.

Bagi membantu anda membuat perancangan ke hadapan, ABM dan anggotanya telah menyediakan satu jadual jangkamasa yang memaparkan peringkat-peringkat dalam pemrosesan permohonan pinjaman dan masa yang diambil oleh sesebuah bank untuk permohonan mudah dan jelas. Permohonan mudah dan jelas yang dimaksudkan adalah permohonan pinjaman tanpa cagaran; tidak tertakluk kepada persetujuan dari pihak berkuasa, mana-mana pihak ketiga atau kelulusan CGC atau mana-mana duluan syarat-syarat khusus lain, di mana kelulusan khusus yang memerlukan masa perlu diperolehi.

Akhir kata untuk fasa pertama ini, satu senarai lengkap direktori maklumat SME Contact bank-bank dilampirkan untuk mempermudah anda membuat rujukan dan membantu anda dengan sebarang soalan mengenai permohonan pinjaman baru atau permohonan yang telah diserahkan.

Maklumbalas anda terhadap inisiatif fasa pertama ini amatlah mustahak bagi kami. Sila tulis kepada kami melalui laman sesawang ABM, [www.abm.org.my](http://www.abm.org.my) atau hubungi talian bebas **ABMConnect** di **1-300-88-9980**, 9:00 pagi - 5:30 petang, Isnin hingga Jumaat.

## **Bahagian 1 - Borang Permohonan Pinjaman PKS**

Kebanyakan daripada bank-bank komersil telahpun mempunyai borang-borang permohonan mereka sendiri yang boleh didapati di laman web mereka atau boleh didapati di cawangan-cawangan bank mereka. Dalam hal sedemikian, sila gunakan borang-borang permohonan bank-bank tersebut. Anda boleh menggunakan borang permohonan yang telah kami sediakan sekiranya bank tersebut tidak mempunyai borang permohonan dan dalam keadaan sedemikian, anda tidak perlu menulis satu surat pengiring sendiri.

Daripada pengamatan kami, bank-bank berikut telahpun mempunyai borang permohonan mereka sendiri untuk PKS: -

- |                                     |  |
|-------------------------------------|--|
| 1. Alliance Bank Malaysia Berhad    | 6. OCBC Bank (Malaysia) Berhad             |
| 2. EON Bank Berhad                  | 7. Public Bank Berhad                      |
| 3. Hong Leong Bank Berhad           | 8. RHB Bank Berhad                         |
| 4. HSBC Bank Malaysia Berhad        | 9. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad |
| 5. Malayan Banking Berhad (Maybank) |  |

Susulan pelancaran inisiatif PARTNER, sebanyak 8 bank telahpun menggunakan borang permohonan PARTNER. Sila berhubung dengan bank-bank tersebut untuk maklumat lebih lanjut berkenaan hal ini. Senarai 8 bank adalah seperti berikut:-

- |                           |  |
|---------------------------|--|
| 1. Affin Bank Berhad      | 5. HSBC Bank Malaysia Berhad           |
| 2. AmBank (M) Berhad      | 6. Malayan Banking Berhad (Maybank)    |
| 3. EON Bank Berhad        | 7. RHB Bank Berhad                     |
| 4. Hong Leong Bank Berhad | 8. United Overseas Bank (Malaysia) Bhd |

Borang rekaan kami akan membolehkan bank untuk mengenali anda dan dibahagikan kepada 7 bahagian utama seperti berikut:-

1. Maklumat Latar Belakang - sila isi maklumat asas tentang perniagaan anda atau diri anda.
2. Maklumat Tambahan - sila nyatakan alamat dan nombor telefon perniagaan anda atau nombor telefon anda untuk dihubungi.
3. Kemudahan Diperlukan - sila huraikan jenis kemudahan-kemudahan yang anda ingin pohon. Jika anda tidak tahu bagaimana untuk mengisi bahagian ini, sila minta bantuan pegawai bank berkenaan.
4. Kemudahan kredit dengan institusi kewangan yang lain - sila nyatakan maklumat kemudahan kredit sedia ada atau kemudahan yang perniagaan anda atau anda sendiri ada dengan institusi kewangan lain.
5. Dokumen Sokongan - sila rujuk kepada Lampiran 1 dan 2 untuk dokumen-dokumen dan / atau maklumat yang perlu dilampirkan dengan permohonan pinjaman anda.
6. Perniagaan Baru - jika perniagaan anda masih belum dimulakan atau telah bermula kurang daripada 12 bulan, sila tandakan dokumen-dokumen dan / atau maklumat yang tidak dapat disediakan dengan memotong item tersebut di Lampiran 1 dan 2.
7. Perisytiharan – sila tandatangan untuk mengesahkan bahawa kesemua maklumat yang diberikan adalah benar, betul dan lengkap.

## **Bahagian 2 – Senarai Semak Dokumen-Dokuman (Lampiran 1 dan 2)**

Senarai semak dokumen-dokumen boleh didapati dalam 2 lampiran utama - Lampiran 1 dan 2.

### **Lampiran 1(A) dan 2(A) - untuk Syarikat Awam Berhad atau Sendirian Berhad (Sdn Bhd)**

Lampiran ini menggariskan dokumen-dokumen atau maklumat umum dan dokumen-dokumen atau maklumat khusus (bergantung pada jenis pembiayaan yang dipohonkan) yang diperlukan oleh bank untuk Syarikat Awam Berhad atau Sendirian Berhad (Sdn Bhd). Sila abaikan Lampiran 1(B) dan 2(B) sekiranya perniagaan anda adalah perniagaan Syarikat Awam Berhad atau Sendirian Berhad (Sdn. Bhd).

### Lampiran 1(B) dan 2(B) - untuk Perniagaan Tunggal, Perkongsian atau Individu

Lampiran ini menggariskan dokumen-dokumen atau maklumat umum dan dokumen-dokumen atau maklumat khusus (bergantung pada jenis pembiayaan yang dipohonkan) yang diperlukan oleh bank untuk Perniagaan Tunggal, Perkongsian atau Individu. Sila abaikan Lampiran 1(A) dan 2(A) jika perniagaan anda adalah Perniagaan Tunggal, Perkongsian atau Individu.

### Lampiran 1(A) dan 1(B) – Dokumen-dokumen atau Maklumat Am

Ini adalah dokumen-dokumen atau maklumat am yang diperlukan berhubung dengan permohonan pinjaman untuk sebahagian, atau untuk semua jenis kemudahan. Jika anda mempunyai sebarang soalan sila hubungi bank berkenaan atau ABM.

### Lampiran 2(A) dan 2(B) – Dokumen-dokumen atau Maklumat Khusus

Kami telah berusaha sebaik mungkin untuk cuba menjangkakan dokumen-dokumen atau maklumat khusus yang boleh diminta, bergantung dari kes ke kes, dan jenis pembiayaan yang dipohonkan. Sebagai contoh jika anda membuat permohonan kemudahan untuk tujuan membeli hartanah, sila lihat pada Seksyen 3 sebagai tambahan kepada dokumen-dokumen atau maklumat yang ditetapkan dalam Lampiran 1(A) ataupun 1(B). Anda tidak perlu untuk menyediakan semua dokumen yang dinyatakan dalam seksyen-seksyen lain kecuali ianya berkaitan dengan kes anda. Jika anda mempunyai sebarang soalan sila hubungi bank berkenaan atau ABM.

### **Bahagian 3 – Had Masa Biasa untuk Permohonan Pinjaman PKS (digunapakai untuk permohonan mudah dan jelas saja)**

Anda akan perasan bahawa kami telah menggunakan dua istilah, "hari bekerja" dan "hari-hari", dalam hadmasa. Seminggu umumnya mengandungi lima hari bekerja. Jadi dalam perkara jangka masa lima hari atau kurang, amat adil bagi pihak bank-bank jika mereka dibenarkan lima "hari bekerja" sepenuhnya untuk menyelesaikan tugas yang bersangkutan. Dengan demikian bila jangka masa adalah lebih panjang, maka permohonan mengikut "hari bekerja" tidak boleh diambilkira kerana jika tidak, ianya akan diterjemahkan ke dalam tempoh yang lebih lama daripada yang dijangkakan.

### **Bahagian 4 – Bank-Bank Komersil yang terlibat dan Direktori Maklumat SME Contact**

Berikut ini adalah ahli-ahli bank yang mengambil bahagian (mengikut turutan abjad) dalam PARTNER:-

1. Affin Bank Berhad
2. Alliance Bank Malaysia Berhad
3. AmBank (M) Berhad
4. CIMB Bank Berhad
5. Citibank Berhad
6. EON Bank Berhad
7. Hong Leong Bank Berhad
8. HSBC Bank Malaysia Berhad
9. Malayan Banking Berhad (Maybank)
10. OCBC Bank (Malaysia) Berhad
11. Public Bank Berhad
12. RHB Bank Berhad
13. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
14. United Overseas Bank (Malaysia) Bhd

Sila rujuk kepada Direktori maklumat SME Contact dalam Bahagian 4 pakej ini untuk senarai butiran nombor telefon yang anda boleh hubungi sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sama ada mengenai PARTNER dan inisiatif-inisiatifnya atau berkenaan pinjaman yang ingin dipohon ataupun permohonan pinjaman yang telah diserahkan. Sila jangan ragu-ragu untuk menghubungi ABM pada bila-bila masa.